

# **ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA**

## **PRESKRIPSI VETERINAR**

**No. Dokumentasi: APTVM 15(b):1/2011**

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA**

**ISI KANDUNGAN**

**MUKASURAT**

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia .....	ii
1.0 Pengenalan .....	1
2.0 Objektif .....	2
3.0 Skop .....	2
4.0 Kata Singkatan .....	3
5.0 Definisi .....	3
6.0 Arahan – Arahan Am .....	8
7.0 Prosedur Preskripsi Drug, Vaksin Dan Biologik Veterinar .....	10
7.1 Preskripsi dan Dispensi .....	10
7.2 Pengurusan, Simpanan dan Pembuangan Drug, Vaksin dan Biologik Veterinar .....	14
7.3 Pengurusan Rekod Preskripsi .....	20
7.4 Penggunaan Drug Veterinar Luar Label .....	20
7.5 Kempen Kesedaran Awam .....	25
7.6 Pusat Aduan .....	25
Lampiran 1 : Pengkelasan Drug Berpandukan Akta Racun 1952 (Revision 1989).....	27
Lampiran 2 : Senarai Drug Dari Akta Racun 1952 .....	28
Lampiran 3 : Contoh Rekod Preskripsi Drug .....	51
Lampiran 4 : Contoh Rekod Drug Psikotropik .....	51
Senarai Rujukan .....	51
Jawatankuasa Penyediaan APTVM Preskripsi Veterinar .....	52
Penghargaan .....	52

## **ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR PRESKRIPSI VETERINAR**

Perkhidmatan Veterinar yang disediakan oleh Jabatan merangkumi perkhidmatan perubatan yang meliputi tugas rawatan di klinik, ambulatori dan juga pembedahan. Semua tugas tersebut melibatkan penggunaan drug veterinar yang boleh memberikan kesan sampingan, residu dalam produk haiwan dan menyebabkan rintang kepada drug terutama antibiotik. Untuk memastikan terdapat pengawasan yang teratur, Akta Racun 1952 dan Akta Makanan Haiwan 2009 memperuntukkan prosedur kawalan penggunaan drug veterinar melalui preskripsi.

Demikian juga dengan penggunaan vaksin dan bahan biologik serta mikroorganisma atau bahagian darinya dalam haiwan. Prosedur ini dikawal melalui Akta Binatang, 1953. Penggunaan vaksin dan bahan biologik boleh menimbulkan risiko kejadian penyakit haiwan atau membolehkan berlakunya penyusunan semula genetik atau merangsangkan perubahan patogen, maka penggunaannya juga perlu dikawal melalui proses preskripsi.

Preskripsi merupakan suatu prosedur perundangan yang perlu dipatuhi oleh semua pihak. Tanggungjawab menyimpan, mengedar dan membenarkan penggunaan drug veterinar, vaksin dan bahan biologik perlu mampu dijejaki tanpa terputus rangkaian tanggungjawabnya. Maka dokumen dan rekod preskripsi perlu mampu ditunjukkan untuk membolehkan seseorang dibekali dengan drug veterinar oleh ahli farmasi atau veterinar. Peraturan serupa, terpakai untuk vaksin dan bahan biologik.

Bagi memastikan rangkaian tanggungjawab tersebut dikekalkan walaupun dalam klinik atau pusat perkhidmatan veterinar sendiri, penggunaan drug veterinar, vaksin dan bahan biologik hendaklah juga mematuhi prosedur preskripsi. Prosedur tersebut bolehlah dibuat secara manual, elektronik atau atas talian bagi membolehkan prosedur farmako-survelan dijalankan oleh Unit Kawalan Biologik dan Drug Veterinar.

Maka dengan ini saya ingin mengarahkan semua anggota Jabatan Perkhidmatan Veterinar supaya mematuhi Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Preskripsi Drug Veterinar. Saya berharap dengan arahan ini, prosedur preskripsi menjadi lebih jelas dan memastikan pematuhan kepada penggunaan drug veterinar, vaksin dan bahan biologik yang bertanggungjawab.



**Dato' Dr. Abd Aziz bin Jamaluddin**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar  
Malaysia

## ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA PRESKRIPSI VETERINAR

### 1.0 PENGENALAN

Prosedur preskripsi mempunyai kepentingan langsung dalam usaha pencegahan kejadian kesan sampingan ubat, residu drug veterinar dalam makanan dan kejadian rintang ubat terutama antibiotik serta mengelak pencemaran alam sekitar. Prosedur ini merupakan suatu pematuhan perundangan di bawah Akta Racun 1952, Akta Doktor Veterinar 1974 dan Akta Makanan Haiwan 2009 ketika menjalankan usaha rawatan dan kawalan serta pembasmian penyakit. Preskripsi drug veterinar merupakan prosedur yang perlu dipatuhi untuk menjamin drug veterinar digunakan dengan penuh tanggungjawab serta memberi manfaat dan kemujaraban sebagai diharapkan tanpa kesan sampingan dengan pematuhan tempoh penarikan.

Preskripsi di bawah Seksyen 24, Akta Racun, 1952 bermaksud sebarang arahan bertulis atau lisan yang diberikan kepada penjual atau pembekal sebarang racun atau ubat yang mengandungi racun untuk tujuan perubatan haiwan. Pemberi preskripsi merupakan orang yang mengeluarkan arahan atau menyuruh arahan tersebut dikeluarkan kepada penjual dan pembekal.

Sementara Akta Makanan Haiwan, 2009 yang mengawal kemasukan antibiotik, hormon dan bahan kimia ke dalam makanan bagi maksud rawatan, pengawalan atau pembasmian penyakit. Makanan itu diharap tidak memudaratkan dan tidak tercemar supaya haiwan dan hasil haiwan selamat untuk dimakan oleh manusia dan selamat untuk kegunaan lain. Akta Makanan Haiwan melarang penggunaan antibiotik, hormon atau bahan kimia ke dalam makanan atau ke dalam haiwan melainkan melalui prosedur preskripsi oleh veterinar.

Seksyen 30 (1) Akta Binatang 1953 pula telah memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KPPV) untuk mengeluarkan lesen kepada mana-mana individu untuk memiliki atau menginokulasi mikroorganisma hidup atau vaksin ke dalam haiwan. Kawalan ini juga dilakukan melalui prosedur preskripsi oleh veterinar.

Maka prosedur preskripsi hendaklah dipatuhi dengan penuh teliti oleh semua pihak berkuasa veterinar. Pengurusan drug, vaksin dan biologik veterinar yang baik akan memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

## **2.0 OBJEKTIF**

- 2.1 Menyediakan garis panduan prosedur preskripsi drug, vaksin dan biologik veterinar;
- 2.2 Menetapkan panduan pengurusan drug, vaksin dan biologik veterinar,
- 2.3 Menyediakan garis panduan penyimpanan daftar dan rekod untuk drug, vaksin dan biologik veterinar;
- 2.4 Memastikan hanya mereka yang layak sahaja boleh mengeluarkan preskripsi drug veterinar.

## **3.0 SKOP**

- 3.1 APTVM ini menerangkan definisi preskripsi drug veterinar;
- 3.2 Merangkumi prosedur untuk preskripsi drug, vaksin dan biologik veterinar, panduan pengurusan, penyimpanan dan daftarnya;
- 3.3 APTVM ini menerangkan prosedur preskripsi drug veterinar seperti berikut:
  - 3.3.1 Termasuk kesemua drug, vaksin dan biologik veterinar untuk kegunaan haiwan;
  - 3.3.2 Tidak termasuk persediaan herba yang diberikan dengan sendiri oleh orang awam kepada haiwan.

#### 4.0 KATA SINGKATAN

<b>APTVM</b>	-	Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
<b>DVS</b>	-	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
<b>KPPV</b>	-	Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
<b>PBV</b>	-	Pihak Berkuasa Veterinar
<b>PPVD</b>	-	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah
<b>RPL</b>	-	Rekod, Preskripsi, Label

#### 5.0 DEFINISI

##### 5.1 Ahli Farmasi

Mereka yang didaftarkan oleh Majlis Farmasi Malaysia dan memiliki Sijil Amalan Tahunan yang sah.

##### 5.2 Antibiotik

Sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Makanan Haiwan, 2009

##### 5.3 Bahan Kimia

Sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Makanan Haiwan, 2009

##### 5.4 Berkesan

Drug veterinar tersebut mestilah berkesan menentang penyakit terhadap spesis haiwan, dengan dos, frekuensi dan tempoh seperti yang telah dinyatakan oleh pengeluar.

##### 5.5 Dispens

Drug yang dibekalkan oleh veterinar untuk merawat haiwan atau yang dibekalkan oleh ahli farmasi berdaftar di premis di mana didaftarkan.

### **5.6 Dos**

Kuantiti penggunaan sesuatu drug atau vaksin.

### **5.7 Dosaj**

Kadar kuantiti penggunaan sesuatu drug atau vaksin berbanding berat badan pesakit (contoh: 40miligram drug/1kilogram berat badan pesakit).

### **5.8 Drug Koktail**

Manipulasi dua atau lebih drug yang dibenarkan oleh doktor veterinar atau ahli farmasi (apabila dipreskripsi oleh doktor veterinar) untuk memenuhi keperluan tertentu pesakit. Contoh gabungan dua jenis drug di dalam satu suntikan atau menambah perisa di dalam drug.

### **5.9 Drug Luar Label**

Penggunaan drug oleh doktor veterinar atau dengan arahan doktor veterinar di mana tidak ada di dalam label pengeluarannya.

### **5.10 Drug Veterinar**

Apa sahaja bahan atau campuran atau campuran bahan yang dihasilkan, dijual atau digunakan di dalam:

- (a) Diagnosis, rawatan, meringankan, mencegah atau menyembuhkan penyakit atau ketidaknormalan fizikal, mental atau simptom di dalam haiwan; dan
- (b) Mengembalikan, membetulkan atau mengubah mana-mana keadaan fizikal, mental atau fungsi organik haiwan.

### **5.11 Farmasi**

Kemudahan untuk menstor, menyimpan dan mengeluarkan drug, bahan kimia untuk rawatan serta vaksin dan biologik veterinar.



### 5.12 Haiwan

- (a) mana-mana mamalia selain manusia;
- (b) mana-mana haiwan akuatik termasuk ikan, moluska dan krustasea;
- (c) mana-mana amfibia;
- (d) mana-mana reptilia;
- (e) mana-mana burung dan termasuk ayam, itik, burung puyuh dan burung unta; dan
- (f) mana-mana serangga; yang dipelihara dalam kurungan atau di bawah kawalan bagi apa-apa maksud kegunaan manusia.

### 5.13 Hormon

Sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Makanan Haiwan, 2009

### 5.14 Kualiti

Drug veterinar disimpan di dalam keadaan yang betul dan selamat sehingga tidak menjejaskan fungsinya. Ianya disimpan di dalam bekas tertutup bersama label yang tepat dan berinformatif.

### 5.15 Pelanggan/Pemilik

Pemilik haiwan, penternak, pekerja atau mana-mana individu yang mempunyai kuasa pemilikan termasuk pemilikan yang menjalankan pengurusan dan pentadbiran secara eksklusif di dalam memiliki haiwan, menggunakan haiwan, menyimpan atau memindahkan haiwan.

### 5.16 Pengenalalan Haiwan

Apa-apa tanda yang boleh memberikan pengenalalan seperti tag telinga, tanda cacah, cop badan, RFID, mikrochip, tindik telinga, ear notch dan pelbagai tanda yang boleh menentukan pengenalalan.

### **5.17 Penyampaian Ubat**

Ubat yang dibekalkan oleh Doktor Veterinar untuk merawat haiwan atau yang dibekalkan oleh ahli farmasi berdaftar di premis di mana ia didaftarkan.

### **5.18 Pesakit**

Haiwan yang sakit atau digunakan di dalam ujian atau penternakan atau sebarang tujuan kegunaan manusia.

### **5.19 Pestisid**

Sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Pestisid

### **5.20 Pihak Berkuasa Veterinar (PBV)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, dan Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, Pegawai Veterinar, Timbalan atau Penolong Pegawai Veterinar dan termasuk mereka yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri sebagai Pihak Berkuasa Veterinar di bawah Seksyen 3 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006).

### **5.21 Premis**

Ladang, tempat, kandang, reban, rumah sembelih, loji pemprosesan, kilang makanan haiwan, klinik haiwan, kedai haiwan, pasar basah, rumah, kedai, stor, bilik, kubikel, tempat terlindung atau bangunan terbuka atau tertutup rumah atau kawasan di mana haiwan atau produk haiwan ditempatkan atau diletakkan secara sementara atau tetap serta dijalankan perkhidmatan berkaitan haiwan, hasil dan produk haiwan.

### **5.22 Preskripsi**

Arahan bertulis atau arahan lisan oleh veterinar kepada penjual atau pengedar drug veterinar untuk membekalkan drug tertentu kepada pelanggan tertentu, atau arahan kepada ahli farmasi untuk dispensi drug tertentu kepada

pelanggan tertentu. Ianya bagi tujuan rawatan ke atas haiwan. Semua arahan preskripsi secara lisan perlu disahkan secara bertulis dalam tempoh 24jam. Setiap preskripsi mesti disertakan dengan tanda peringatan: 'Amaran: Drug terkawal hanya untuk kegunaan atau diarahuntuk digunakan oleh doktor veterinar berdaftar.'

#### **5.23 Pusat Veterinar**

Termasuk Ibupejabat PV, DVSN, PVD, Pusat Haiwan Kecil, Pejabat Kumpulan Tumpuan Sasaran, PPIT dan Institusi DVS.

#### **5.24 Racun**

Sebarang bahan yang tersenarai di dalam senarai Racun termasuk penyediaan, larutan, bahan larut, campuran atau bahan asas yang mengandungi bahan tersebut, melainkan bahan-bahan dalam senarai Kedua. (Rujuk Akta Racun, 1952)

#### **5.25 Racun Berjadual**

Dalam APTVM ini membawa maksud drug veterinar yang dikawal di bawah Kumpulan B Jadual 1, sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Racun, 1952.

#### **5.26 Rantaian sejuk**

Rantaian penghantaran atau pemindahan bahan pada suhu rendah bagi mengekalkan kualiti sesuatu bahan seperti vaksin.

#### **5.27 Selamat**

Merangkumi kesemua pihak yang terlibat di dalam transaksi drug veterinar iaitu; doktor veterinar yang menulis preskripsi, pelanggan yang memberikan preskripsi kepada pesakit, pesakit yang akan menerima drug tersebut, pengguna produk ternakan dan alam sekitar.

#### **5.28 Survelan**

Prosedur pemantauan penggunaan dan pengurusan ubat, hormon dan biologi yang disempurnakan oleh anggota Unit Kawalan Biologi dan Drug Veterinar.

### **5.29 Takat Penggera Bekalan**

Jumlah lebihan baki stok kurang daripada 1/3 penggunaan stok semasa.

### **5.30 Tempoh Penarikan (Withdrawal period)**

Tempoh masa dari tarikh terakhir pemvaksinan/ pemberian ubat sebelum ternakan dibenarkan sembelih untuk dimakan.

### **5.31 Vaksin**

Biologik untuk meningkatkan imuniti terhadap sesuatu penyakit. Sesuatu vaksin mengandungi agen yang menyerupai organisma penyebab penyakit, samada organisma dilemahkan atau dinyahaktif. Agen tersebut merangsang sistem imun badan untuk mengenali agen sebagai bendasing seterusnya melindungi perumah dari jangkitan.

### **5.32 Vaksinasi**

Penggunaan vaksin pada haiwan untuk memberi perlindungan terhadap sesuatu penyakit.

### **5.33 Veterinawan**

Doktor Veterinar yang berdaftar di bawah Akta Doktor Veterinar 1974 melalui Majlis Veterinar Malaysia serta memiliki Sijil Amalan Tahunan yang sah samada Pegawai Veterinar Kerajaan atau ditauliahkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang didaftarkan dengan DVS bagi menjalankan tugas-tugas tertentu.

## **6.0 ARAHAN - ARAHAN AM**

- 6.1 Penggunaan drug, vaksin dan biologik veterinar hendaklah dilaksanakan dengan mematuhi semua akta, kaedah dan peraturan yang berkuatkuasa berkaitan dengannya.
- 6.2 Penggunaan racun berjadual hendaklah di bawah preskripsi dan pengawasan veterinawan.

- 6.3 Penggunaan racun berjadual istimewa hanyalah di bawah preskripsi dan pengawasan pakar dan pakar runding veterinar mengikut bidang kepakaran di bawah Malaysian College of Veterinary Specialist yang didaftarkan oleh Majlis Veterinar Malaysia.
- 6.4 PBV boleh menjalankan rawatan menggunakan drug, vaksin dan biologik veterinar yang dibenarkan atau melalui preskripsi dan di bawah pengawasan veterinawan.
- 6.5 Walaupun Veterinary Surgeon Act, 1974 dibawah Seksyen 34(4) memberi pengecualian kepada PVB untuk menjalankan rawatan di atas tugas rasminya di bawah pengawasan veterinawan, namun mereka yang terlatih dan kompeten untuk penggunaan drug, vaksin dan biologik sahaja dibenarkan.
- 6.6 Drug, vaksin dan biologik hendaklah disimpan di dalam tempat yang selamat dan terkawal.
- 6.7 Penggunaan drug veterinar kumpulan psikotropik hendaklah direkodkan secara terperinci penggunaan dan pelupusannya.
- 6.8 Arahan penarikan balik dan nasihat mengenai risiko tindakbalas adves hendaklah dimaklumkan kepada pelanggan. Pelanggan hendaklah diberi panduan untuk mengelak berlakunya rintang dan pencemaran alam sekitar.
- 6.9 Buku preskripsi, rekod veterinar dan pengkalan datanya hendaklah disimpan dengan baik untuk pemeriksaan dan farmakosurvelan.
- 6.10 Pusat Veterinar hendaklah memastikan bekalan ubat, vaksin dan biologik yang sering dipakai sentiasa mencukupi.
- 6.11 Rujuk kepada veterinawan atau pakar sekiranya terdapat keraguan.

## 7.0 PROSEDUR PRESKRIPSI DRUG, VAKSIN DAN BIOLOGIK VETERINAR

### 7.1 Preskripsi dan Dispensi

Melibatkan 2 Konsep Hubungan dan 4 jenis Kaedah Preskripsi;

- i. 2 Konsep Hubungan:
  - Hubungan Veterinawan – Pelanggan – Pesakit
  - Hubungan Veterinawan – Veterinawan/Pelanggan
- ii. 4 Kaedah Preskripsi:
  - Preskripsi Dalaman
  - Preskripsi Luaran
  - Preskripsi Vaksin
  - Preskripsi Makanan Haiwan

#### 7.1.1 Hubungan Veterinawan - Pelanggan- Pesakit (V-P-P)

Hubungan V-P-P dikatakan telah dicapai apabila;

- 7.1.1.1 Veterinawan yang memberi arahan preskripsi telah membuat penilaian perubatan yang bersesuaian dengan penuh tanggungjawab terhadap keperluan pesakit dan terhadap drug veterinar yang diberi, dan mempertimbangkan bahawa pelanggan telah bersetuju untuk mematuhi arahan pemberian tersebut kepada pesakit;
- 7.1.1.2 Veterinawan yang memberi arahan preskripsi adalah doktor yang telah memeriksa dan menilai status penyakit atau yang bertanggungjawab memantau perkembangan penyakit pesakit;
- 7.1.1.3 Veterinawan berkenaan mampu dan bersedia memantau perkembangan kesihatan atau kesan sampingan sekiranya berlaku terhadap pesakit;
- 7.1.1.4 Menggunakan Kaedah Preskripsi Dalaman dan Preskripsi Luaran.

## 7.1.2 Hubungan Veterinawan – Veterinawan/ Pelanggan (V-V/ P)

Hubungan V-V/ P dikatakan telah dicapai apabila;

- 7.1.2.1 Veterinawan yang memberi arahan preskripsi telah membuat penilaian perubatan yang bersesuaian dengan penuh tanggungjawab terhadap keperluan drug terkawal /vaksin/ biologik veterinar yang akan dipertanggungjawabkan kepada ahli veterinar yang lain/ pelanggan;
- 7.1.2.2 Mempertimbangkan bahawa veterinar/pelanggan telah bersetuju untuk mematuhi arahan penggunaan drug terkawal / vaksin/biologik veterinar tersebut;
- 7.1.2.3 Pengeluaran arahan preskripsi drug terkawal/vaksin/ biologik veterinar kepada pelanggan selain Veterinawan, hanya boleh berlaku:
  - a) Dengan arahan PBV bagi tujuan pengawalan dan pembasmian penyakit (contoh pemberian vaksin penyakit FMD kepada penternak lembu);
  - b) Dengan arahan veterinar kepada pembuat makanan haiwan bagi tujuan rawatan, pengawalan atau pembasmian penyakit haiwan melalui pemprosesan makanan haiwan.
- 7.1.2.4 Menggunakan Kaedah Preskripsi Vaksin dan Preskripsi Makanan Haiwan.

### 7.1.3 Penulisan Preskripsi

- 7.1.3.1 Doktor veterinar yang akan menulis arahan preskripsi perlu faham akan peraturan dan undang-undang berkaitan pengeluaran arahan tersebut;
- 7.1.3.2 Preskripsi perlu ada maklumat berikut;
- a) Tarikh preskripsi
  - b) No resit preskripsi
  - c) Nama drug
  - d) Bahan aktif drug
  - e) Kuantiti (amaun dan dos)
  - f) Kekerapan
  - g) Tempoh pengambilan
  - h) Nama, alamat dan nombor telefon pelanggan
  - i) Id pesakt
  - j) Tempoh penarikan (jika ada)
  - k) Amaran/ Peringatan (jika ada)
- 7.1.3.3 Preskripsi juga perlu menyatakan bilangan pengisian semula boleh dibuat (tidak boleh melebihi 3 kali pengisian semula bagi setiap arahan preskripsi);
- 7.1.3.4 Preskripsi akan menjadi panduan kepada ahli farmasi untuk memberi atau menjual ubat yang diarahkan kepada pelanggan;
- 7.1.3.5 DVS akan memiliki empat jenis preskripsi:
- a) Preskripsi Dalaman**
- Merujuk kepada preskripsi yang dikeluarkan oleh pusat veterinar kepada pelanggan yang berdaftar dengan pusat veterinar untuk penggunaan drug veterinar yang memerlukan preskripsi di bawah arahan Pegawai Veterinar yang dipertanggungjawabkan. (Contoh apabila pelanggan membawa



haiwan kesayangannya ke klinik veterinar DVS).

**b) Preskripsi Luaran**

Merujuk kepada preskripsi yang dikeluarkan melalui pusat veterinar oleh pegawai veterinar kepada pelanggan untuk mendapatkan bekalan atau membeli ubat melalui ahli farmasi. Perlu disertakan dengan tandatangan veterinar, cop sah dan nombor hubungan. (Contoh apabila penternak diarah membeli krim antifungal di kedai farmasi).

**c) Preskripsi Vaksin**

Merujuk kepada preskripsi vaksin dan biologik veterinar yang dikeluarkan oleh pegawai veterinar kepada pelanggan / pemilik untuk mendapatkan bekalan vaksin serta memberi arahan kaedah penggunaan, penjagaan serta tempoh penarikan balik.

**d) Preskripsi Makanan Haiwan**

Merujuk kepada preskripsi yang dikeluarkan oleh Doktor veterinar untuk memasukkan antibiotik, hormon, bahan kimia ke dalam makanan haiwan bagi maksud rawatan, pengawalan atau pembasmian penyakit. Pegawai veterinar hendaklah menetapkan tempoh tegahan sembelihan haiwan untuk tujuan kegunaan manusia dan tempoh penarikan balik.

7.1.3.6 Preskripsi dalam pusat veterinar akan menjadi rekod pemberian ubat, vaksin dan biologik berkenaan dikeluarkan di bawah pengawasan doktor veterinar.

## **7.2 Pengurusan, Simpanan dan Pembuangan Drug, Vaksin dan Biologik Veterinar**

### **7.2.1 Pemberian Drug**

7.2.1.1 Veterinawan boleh menggunakan drug untuk rawatan;

7.2.1.2 PBV boleh menggunakan drug melalui preskripsi dan di bawah pengawasan pegawai veterinar;

7.2.1.3 PBV boleh menggunakan vitamin dan diet tambahan untuk rawatan;

7.2.1.4 Semua PBV hendaklah merekodkan pemberian ubat tersebut.

### **7.2.2 Penglabelan dan Pengrekodan Preskripsi**

7.2.2.1 Rekod yang sempurna perlu disimpan oleh Veterinawan sekurang-kurangnya selama dua tahun;

7.2.2.2 Penglabelan merangkumi tiga perkara asas iaitu; Rekod, Preskripsi dan Label Atas Drug (RPL);

7.2.2.3 Semua preskripsi drug yang ingin didispens perlu dilabel dengan teliti. Sila rujuk Maklumat Asas RPL;

7.2.2.4 Maklumat asas berikut perlu ada pada RPL:

Bil	Perkara	Untuk Simpanan		
		R	P	L
1	Nama, alamat, nombor telefon Doktor Veterinar	√	√	√
2	Nama, alamat, nombor telefon Pelanggan	√	√	
3	Nama Pelanggan	√		√
4	Identiti Pesakit, Spesis dan bilangan	√	√	√
5	Tarikh rawatan, arahan preskripsi dan dispense	√	√	√
6	Nama, bahan aktif, kuantiti drug preskripsi dan dispense	√	√	√
7	Kepekatan drug (jika ada lebih dari satu kepekatan)	√	√	√
8	Dosage dan tempoh	√	√	
9	Kaedah pengambilan (contoh: SQ/IM/IV/Oral dan lain-lain)	√	√	√
10	Bilangan isian semula	√	√	
11	Tanda amaran/peringatan	√	√	√
12	Tarikh luput	√	√	√
13	Tarikh penarikan	√	√	√
14	Tandatangan/ seumpamanya		√	

7.2.2.5 Jika label tidak lengkap, veterinar perlu sertakan maklumat di dalam kertas berasingan ketika drug didispens;

7.2.2.6 Pelanggan juga perlu menyimpan rekod rawatan yang diterima.

### 7.2.3 Penarikan Balik

7.2.3.1 Veterinar dan PBV hendaklah memaklumkan tempoh penarikan balik kepada pelanggan/pemilik. Veterinar hendaklah memastikan pematuhan dalam pembuatan makanan haiwan;

- 7.2.3.2 Veterinawan dan PBV hendaklah memastikan tiada haiwan disembelih sebelum tarikh tersebut. Sekiranya disembelih, dagingnya hendaklah ditegah untuk dimakan;
- 7.2.3.3 Veterinawan dan PBV hendaklah membuat persampelan rawak untuk menilai status residu sekiranya perlu.

#### **7.2.4 Pemantauan Rintang**

- 7.2.4.1 Dalam memberi preskripsi dan rawatan, PBV perlu merujuk kepada Fail Kes serta menyemak sejarah rawatan, bagi memantau keberkesanan sesuatu drug dan vaksin;
- 7.2.4.2 Elak menggunakan drug yang mampu membentuk rintang secara berpanjangan. Lakukan penukaran jika munasabah;
- 7.2.4.3 Sekiranya kes rintang disyaki, persampelan hendaklah dilakukan untuk tujuan ujian rintang;
- 7.2.4.4 Sekiranya rintang berlaku, pilih regim rawatan lain yang masih berkesan;
- 7.2.4.5 Dalam penggunaan antihelmentik, penggiliran hendaklah diamalkan beserta pengesanan bebanan cacing;
- 7.2.4.6 Semua kejadian rintang samada melalui pengamatan klinikal atau hasil ujian makmal hendaklah dilaporkan kepada Pusat Aduan Drug dan Biologik, IPPV;
- 7.2.4.7 Unit kawalan Biologik dan Drug Veterinar hendaklah memantau serta menganalisa kejadian rintang serta melaporkan kepada Jawatankuasa Pemantauan Rintang Kebangsaan di Kementerian Kesihatan.

## 7.2.5 Bekalan

### 7.2.5.1 Kategori Tempatan

- i) Pusat Veterinar perlu menyimpan rekod inventori drug, vaksin dan biologik veterinar dengan tepat;
- ii) Sekiranya bekalan telah mencapai takat penggera bekalan, pesanan baru hendaklah dibuat bagi menjamin bekalan sentiasa mencukupi;

### 7.2.5.2 Kategori kebangsaan

- i) Status inventori stok dan penggunaan hendaklah dihantar kepada penyelaras bekalan biologik di Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit, IPPV.

## 7.2.6 Penyimpanan

- 7.2.6.1 PBV perlu memastikan drug, vaksin dan biologik veterinar disimpan di tempat yang betul dalam keadaan yang sesuai;
- 7.2.6.2 Di dalam klinik, drug preskripsi perlu disimpan berasingan dari drug atas kaunter supaya mudah dikenali oleh kakitangan professional dan paraprofessional. Drug, vaksin dan biologik perlu disimpan sebagaimana dicadangkan oleh pengeluar;
- 7.2.6.3 Setiap urusan pembekalan dan pemberian perlu direkodkan bagi tujuan dayajajak;
- 7.2.6.4 Drug veterinar kumpulan psikotropik hendaklah disimpan dalam almari berkunci dan di dalam bilik berkunci dengan rekod pemberian dan pelupusannya secara terperinci;

- 7.2.6.5 Tempat penyimpanan tidak boleh terlalu panas atau terdedah kepada cahaya matahari;
- 7.2.6.6 Vaksin dan biologik serta sebahagian drug tertentu hendaklah dikekalkan rantaian sejuknya;
- 7.2.6.7 Pastikan drug, vaksin dan biologik disusun dengan rapi dan dilabel;
- 7.2.6.8 Pastikan bahan kimia mudah terbakar tidak terdedah kepada risiko kebakaran;
- 7.2.6.9 Stor drug, vaksin dan biologik perlu diperiksa dari masa ke semasa untuk memastikan kebersihan dan pemantauan tarikh luputnya;
- 7.2.6.10 Pemilik haiwan ternakan perlu dinasihatkan supaya menyimpan drug di dalam tempat berkunci dengan hanya individu tertentu sahaja boleh menyimpan dan menggunakan anak kunci tersebut.

### **7.2.7 Pelupusan dan Kawalan Pencemaran**

- 7.2.7.1 Drug, vaksin dan biologik veterinar yang telah rosak atau telah tamat tempoh perlu dilupuskan dalam keadaan yang selamat bagi menjamin keselamatan kepada manusia, haiwan dan persekitaran;
- 7.2.7.2 Semak label drug untuk mengetahui kaedah pelupusan yang disarankan;
- 7.2.7.3 Pelupusan Drug Veterinar Tak Terkawal
  - i) Keluarkan baki drug ke dalam bungkusan bertutup atau plastik;
  - ii) Campurkan dengan bahan yang tidak boleh dimakan seperti tanah atau pasir litter kucing;

- iii) Tutup/ikat bekas dengan kemas dan buang ke dalam tong sampah; Atau
  - iv) Tanam;
  - v) Pastikan tiada kemungkinan pencemaran atau risiko keracunan terhadap kanak-kanak atau haiwan boleh berlaku.
- 7.2.7.4 Pelupusan Drug Veterinar Terkawal/ Vaksin/ Biologik
- Drug veterinar terkawal, vaksin dan biologik veterinar boleh dilupuskan secara:
- i) Dipulangkan kepada DVSN;
  - ii) Insinerator
  - iii) Syarikat pelupusan bahan-bahan biobahaya;
  - iv) Tanam
  - v) Bekas kosong yang telah dibasuh boleh dibuang ke dalam pembuangan sampah atau ditanam;
- 7.2.7.5 Pelupusan drug kumpulan psikotropik hendaklah mematuhi peraturannya yang ditetapkan;
- 7.2.7.6 Pastikan prosedur pelupusan tidak menimbulkan masalah pencemaran alam atau punca organisma rintang pada masa hadapan;
- 7.2.7.7 Prosedur pelupusan aset mudah alih hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

### **7.3 Pengurusan Rekod Preskripsi**

- 7.3.1 Rekod bekalan dan inventori drug, vaksin dan biologik hendaklah sentiasa dikemaskini dan disimpan dengan baik;
- 7.3.2 PBV hendaklah mampu menunjukkan rekod berkenaan untuk pemeriksaan dan penguatkuasaan serta farmakosurvalen oleh Bahagian Farmasi dan Unit Kawalan Biologik dan Drug Veterinar serta Seksyen Pemakanan Haiwan;
- 7.3.3 Pelanggan hendaklah memiliki arahan preskripsi sebelum dapat dibekalkan dengan drug, vaksin dan biologik;
- 7.3.4 Pemilik yang telah dikenalpasti produk dari ternakannya mempunyai residu melalui proses dayajejak, beliau hendaklah mampu membuktikan pemberian drug tersebut dibuat di bawah preskripsi;
- 7.3.5 Sekiranya dapat dibuktikan yang preskripsi telah dikeluarkan dan masih berlaku residu, semakan ke atas arahan dan amalan tempoh penarikan balik akan dibuat untuk tindakan penguatkuasaan seterusnya;
- 7.3.6 Sekiranya pemilik gagal membuktikan penggunaan drug, vaksin dan biologik veterinar yang dikawal tersebut dibuat di bawah preskripsi, maka tindakan penguatkuasaan boleh dikenakan terhadap beliau;
- 7.3.7 Contoh rekod drug dan drug psikotropik sila rujuk Lampiran 2 (Senarai Drug Akta Racun 1952).

### **7.4 Penggunaan Drug Veterinar Luar Label**

- 7.4.1 Veterinawan boleh menggunakan drug luar label hanya apabila kesihatan haiwan terganggu atau kematian mungkin berlaku sekiranya ia tidak dirawat;
- 7.4.2 Penggunaan drug luar label dibenarkan hanya dengan arahan veterinawan;



- 7.4.3 Penyalahgunaan di luar label adalah menjadi kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang;
- 7.4.4 Penyalahgunaan boleh berlaku apabila:
- Penggunaan dalam spesis yang tiada di dalam label;
  - Penggunaan pada indikasi yang tiada di dalam label;
  - Penggunaan pada dosaj, kekerapan dan kaedah selain dari dalam label;
  - Perubahan tempoh penarikan kesan dari penyalahgunaan;
- 7.4.5 Syarat penggunaan drug luar label:
- 7.4.5.1 Penggunaan Drug Luar Label Untuk Semua Jenis Haiwan
- a) Penggunaan luar label hanya dibenarkan sekiranya kesihatan haiwan terancam, menderita kesakitan atau kematian mungkin akan berlaku sekiranya tidak dirawat;
  - b) Keperluan rekod:
    - i. ID haiwan (individu atau gerompok)
    - ii. Spesis
    - iii. Bilangan haiwan dirawat
    - iv. Sebab untuk rawatan
    - v. Nama drug dan bahan aktif
    - vi. Dosaj
    - vii. Tempoh penggunaan/ penarikan/penahanan/ pembuangan daging/ susu / telur bagi haiwan yang dirawat

- c) Keperluan label:
- i. Nama dan alamat veterinar yang menulis preskripsi
  - ii. Nama drug
  - iii. Id pesakit (individu atau gerompok)
  - iv. Dosaj / kekerapan/ kaedah pemberian/ tempoh pemberian
  - v. Peringatan / amaran (jika ada)
  - vi. Tempoh penarikan/ penahanan/pembuangan daging / susu / telur dan lain-lain (jika ada)
- d) Veterinar perlu mempertimbangkan perkara berikut:
- i. Boleh menggunakan drug veterinar dan drug manusia untuk tujuan rawatan haiwan asalkan tidak menyebabkan ancaman kepada kesihatan awam;
  - ii. Penggunaan luar label tanpa arahan preskripsi veterinar adalah dilarang dalam kesemua jenis haiwan.

#### 7.4.5.2 Penggunaan Drug Luar Label Untuk Haiwan Ternakan

- a) Penggunaan drug luar label hanya dibenarkan sekiranya tiada langsung drug terulus yang dilabelkan untuk tujuan yang diperlukan, ataupun; ada drug terulus dengan label seperti tujuan

- diperlukan namun secara klinikalnya drug sedia ada itu tidak berkesan;
- b) Tiada penggunaan luar label dibenarkan di dalam penyediaan makanan haiwan ternakan;
- c) Sebelum penggunaan drug luar label dilakukan, veterinarwan tersebut perlu:
- i. Membuat diagnosis dengan teliti, memantau penggunaan drug tersebut;
  - ii. Memastikan Id haiwan yang dirawat sentiasa tepat;
  - iii. Menggunakan informasi saintifik supaya mudah merujuk tempoh penarikan drug di dalam pesakit;
  - iv. Mengambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan tempoh penarikan balik dipatuhi dan tidak berlaku kes drug residu;
  - v. Jika tiada maklumat mencukupi, veterinarwan ditegah dari menggunakan drug tersebut, jika tidak haiwan yang telah dirawat itu tidak dibenarkan masuk dalam rantai makanan manusia.
- d) Drug manusia yang telah dilabel BUKAN untuk kegunaan haiwan ternakan, Tidak Boleh digunakan di dalam haiwan ternakan samada secara label atau luar label;

- e) Drug yang dilarang penggunaannya di dalam haiwan ternakan:
  - i. Dilarang dalam haiwan pedaging:  
Chloramphenicol,  
Clenbuterol,  
Diethylstilbistrol,  
Dimetridazole,  
Ipronidazole,  
Nitromidazoles,  
Furazolidone,  
Nitrofurazone,  
Glycopeptides,  
Fluroquinolones.
  - ii. Dilarang dalam lembu dewasa yang sedang menyusu:  
Kesemua Sulfonamide kecuali Sulfadimethoxine, Sulfabromethazine dan Sulfaethoxypyridazine yang telah dibenarkan.
  - iii. Dilarang dalam lembu betina dewasa:  
Phenylbutazone.
  - iv. Dilarang dalam ayam, ayam turkey dan itik:  
Adamantane dan Neuraminidase inhibitor yang digunakan dalam mencegah jangkitan Influenza A.

#### 7.4.5.3 Penggunaan Drug Koktail Yang Dibenarkan atau Drug Manusia Di Dalam Haiwan

- a) Syarat-syarat menggunakan drug koktail atau drug manusia:
  - i. Drug koktail hanya boleh digunakan di bawah arahan preskripsi veterinar sahaja;

- ii. Drug koktail dari drug manusia tidak boleh digunakan di dalam haiwan ternakan jika drug haiwan lain boleh digunakan;
- iii. Drug koktail mestilah terdiri dari drug yang telah dilulus dan didaftarkan di bawah Unit Kawalan Biologik dan Drug Veterinar.

## 7.5 Kempen Kesedaran Awam


- 7.5.1 Pengeluar preskripsi hendaklah memberi nasihat dan penerangan kepada pelanggan tentang risiko penggunaan ubat, drug dan biologik veterinar;
- 7.5.2 Veterinawan hendaklah memaklumkan kemungkinan kesan tindakbalas negatif, kejadian rintang dan residu kepada pelanggan;
- 7.5.3 Pelanggan hendaklah dimaklumkan tentang dos dan tempoh penarikan balik;
- 7.5.4 Unit Kawalan Biologik dan Drug Veterinar hendaklah menyediakan kempen kesedaran awam mengenai pengurusan dan penggunaan drug, vaksin dan biologik yang betul.

## 7.6 Pusat Aduan

- 7.6.1 Aduan boleh dikemukakan kepada Pusat Aduan di Unik Kawalan Biologik dan Drug Veterinar serta juga di setiap Ibu pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri;
- 7.6.2 Pusat ini berfungsi untuk menerima aduan daripada orang ramai mengenai kesan mudarat, masalah produk atau penyalahgunaan biologik dan drug veterinar;

- 7.6.3 Aduan boleh dibuat melalui email, fax, pos ataupun telefon. Borang aduan boleh didapati pada brosur Pusat Aduan;
- 7.6.4 Semasa menerima aduan, pegawai bertugas akan merekodkan maklumat berikut:
- i) Nama, alamat, nombor telefon dan email pengadu;
  - ii) Nama produk;
  - iii) Nama dan alamat Pengeluar/ Pengedar (jika ada);
  - iv) Nama dan alamat premis yang didapati bermasalah
  - v) Masalah produk;
  - vi) Kesan penggunaan
  - vii) Tarikh produk bermasalah dikesan
  - viii) Nombor batch (jika ada).
- 7.6.5 Selepas aduan diterima, pegawai yang terlibat akan menjalankan siasatan ke atas premis/ produk dalam masa dua minggu dari tarikh laporan diterima;
- 7.6.6 Tugas pegawai yang terlibat dalam menjalankan siasatan ialah:
- i) Meneliti aduan yang diterima;
  - ii) Menubuhkan kumpulan siasatan (jika perlu);
  - iii) Mengunjungi premis yang didapati bermasalah dan menjalankan siasatan/ pemeriksaan ke atas perkara yang telah dilaporkan;
  - iv) Menyediakan laporan siasatan;
  - v) Laporan dibentangkan kepada Jawatankuasa;
- 7.6.7 Jawatankuasa di bawah Unit Kawalan Biologik dan Drug Veterinar akan menentukan bentuk tindakan yang akan diambil ke atas pengeluar/ agen tempatan/ premis tersebut.

PENKELASAN DRUG BERPANDUKAN AKTA RACUN 1952 (REVISION 1989)



**SENARAI DRUG DARI AKTA RACUN 1952  
POISONS LIST - APPENDIX**

**Amoebicides:**

Carbarson  
 Clioquinol and other halogenated hydroquinoline compounds  
 Dehydroemetine; its salts  
 Diloxanide ; its compounds  
 Emetine  
 Metronidazole  
 Pentamidine ; its salts

**Anaesthetics:**

Alphadolone acetate  
 Alphaxolone  
 Desflurane  
 Disoprofol  
 Enflurane  
 Ethyl ether [*Ins. P.U.(A) 244/2005*]  
 (formerly Ether, for anaesthetic use)  
 Etomidate; its salts  
 Halothane  
 Isoflurane  
 Ketamine; its salts  
 Local anaesthetics, the following; their salts, their homologues and analogues; their molecular compounds  
 Amino-alcohols esterified with benzoic acid, phenylacetic acid, phenylpropionic acid, cinnamic acid or the derivatives of these acids, their salts  
 Benzocaine  
 Bupivacaine  
 Butyl aminobenzoate  
 Cinchaine

Diperodon  
 Etidocaine  
 Levobupivacaine  
 Lignocaine  
 Mepivacaine  
 Orthocaine  
 Oxethazaine  
 Phenacaine  
 Phenodanisyl  
 Prilocaine  
 Ropivacaine  
 Phencyclidine; its salts  
 Propandid  
 Sevoflurane  
 Tiletamine ; its salts  
 Tribromoethanol

**Analeptics and Central Stimulants:**

Amiphenazole; its salts  
 Amphetamine; (DD)  
 Bemegrade  
 Cathine  
 Cathinone (DD)  
 Dexamphetamine; its salts  
 Dimethoxybromoamphetamine (DOB) (DD)  
 2,5-Domethoxyamphetamine (DMA) (DD)  
 2,5-Dimethoxy-4-ethylamphetamine (DOET) (DD)  
 Ethamivan  
 N-Ethylamphetamine; its salts



N-Ethyl MDA (DD)	Amidopyrine: its salts
N-Hydroxy MDA (DD)	Azaproparone
Etryptamine (DD)	Balsalazide disodium
Fencamfamine	Benzydamine; its salts
Fenetylline	Bucolome
Lefetamine or SPA or (-)-1-dimethylamino-1,2-diphenylathane	Bufexamac
Leptazol	Bumadizone; its salts
Lobelia, alkaloids of	Buprenorphine; its salts
Meclofenoxate; its salts	Butorphanol; its salts
Methamphetamine; (DD)	Celocoxib
5-Methoxy-3, 4-methylenedioxyamphetamine (MMDA) (DD)	Cinchopen and other substances structurally derived from 4-quinolinecarboxylic acid unless specified elsewhere in the list: their salts and esters
Methylenedioxyamphetamine (MDA) (DD)	Dexmedetomidine, its salts
3,4-Methylenedioxymethamphetamine (MDMA) (DD)	Dezocine
Methylphenidate; its salts	Diacerein; [Ins. P.U.(A) 297/2006]
N-methyl-1-(3, 4-methylenedioxyphenyl) -2-butanamide (DD)	Diclofenac; its salts
Nikethamide	Diflunisal
Paramethoxyamphetamine (PMA) (DD)	Dipyron
Pemoline; its salts	Enphenamic acid; its salts
Picrotoxin	Ethoheptazine; its salts
Pipradrol; its salts	Etodolac
Prolintane; its salts	Etoricoxib [Ins. P.U. (A) 42/2005]
Pyrovalerone	Fentiazac
Strychnine	Floctaphenine
3,4,5-Trimethoxyamphetamine (TMA) (DD)	Flufenamic acid; its salts and esters; their salts
<b>Analgesics including antipyretic and anti-inflammatory agents:</b>	Glaphenine
Acetanilide:alkylacetanilidies	Hydroxycinchoninic acid, derivatives of; their salts; their esters
Alclofenac	Ibuprofen and other substances structurally derived from 2- phenylpropionic acid
	Indomethacin; its salts
	Isoxicam

Ketorolac Tromethamine  
Lanzolac; its salts  
Mefenamic acid; its salts; its esters; their salts  
Meloxicam  
Meptazinol ; its salts  
Mesalazine  
Mofebutazone  
Nabumetone  
Nalbuphine; its salts  
Naproxen; its salts  
Nefopam; its salts  
Niflumic acid  
Oxyphenbutazone  
Parecoxib Sodium [Ins. P.U. (A) 42/2005]  
Pentazocine; its salts  
Phenacetin  
Phenazone  
Phenazopyridine; its salts  
Phenylbutazone; its salts  
Pimecrolimus [Ins. P.U.(A) 221/2004]  
Piroxicam  
Proglumetacin; its salts  
